




PENDIDIKAN UNTUK SEMUA

19 Bantuan Persekolahan
Kementerian Pelajaran Malaysia

Bahagian Kewangan
Kementerian Pelajaran Malaysia

Cetakan Januari 2009



KANDUNGAN

Muka Surat

Kata-Kata Aluan

Menteri Pelajaran Malaysia	4
Ketua Setiausaha	5
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia	6

1. Pelaksanaan Pemberian Bantuan Persekolahan KPM Tahun 2009	7
--	---

2. Kriteria Kelayakan & Kadar Bantuan	12
---------------------------------------	----

3. Purata Bantuan Diterima Oleh Seorang Murid Setahun	17
---	----

4. Pangkalan Data Maklumat Permohonan Bantuan & Sistem Pengurusan Maklumat Bantuan Atas Talian	19
--	----

5. Kaedah Penyaluran Peruntukan Bantuan Persekolahan	20
--	----

6. Senarai Rujukan Dan Peraturan Terkini	21
--	----

7. Senarai Pegawai Meja Mengikut Jenis Bantuan & No. Telefon, No. Faks, Alamat E-Mel	22
--	----

8. Sumbangan Awam Ke Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)	24
---	----



KATA ALU-ALUAN MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, buku kecil Bantuan Persekolahan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) ini dapat diterbitkan. Semoga ia dijadikan panduan berguna, khususnya kepada semua institusi pelaksana, ibu bapa/penjaga dan seluruh masyarakat.

Keprihatinan KPM untuk merapatkan jurang pendidikan yang wujud merupakan satu agenda utama dalam meningkatkan kecemerlangan pendidikan selaras dengan aspirasi Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010. Dalam hal ini, jurang pendidikan berupaya dirapatkan melalui pengurangan kadar keciciran di kalangan murid miskin, murid pedalaman, murid berkeperluan khas dan kumpulan minoriti. Sehubungan itu, usaha menambah baik sistem pengagihan Bantuan Persekolahan kepada golongan tersebut akan sentiasa menjadi keutamaan KPM.

Saya yakin dan percaya bahawa Bantuan Persekolahan yang disediakan oleh KPM mampu memenuhi matlamat dalam memastikan semua sekolah dan murid mempunyai peluang dan keupayaan yang sama untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran dan aktiviti kokurikulum. Justeru, maklumat yang terkandung di dalam buku ini diharap akan menjadi panduan dan rujukan kepada semua pihak dalam melicinkan sistem penyampaian Bantuan Persekolahan di semua peringkat.

Pada umumnya saya berpendapat bahawa kejayaan dalam merapatkan jurang pendidikan boleh dicapai melalui usaha dan komitmen berterusan daripada semua pihak, terutamanya pegawai pelaksana, kumpulan masyarakat, penderma dan ibu bapa. Oleh yang demikian, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua agensi pelaksana supaya memberi perhatian dan komitmen yang tinggi bukan sahaja dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) murid, tetapi juga dalam aspek kebajikan dan keperluan sosial murid.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat atas segala usaha yang dilaksanakan ke arah pemantapan sistem penyampaian Bantuan Persekolahan KPM.

Selamat Maju Jaya,

YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein
Menteri Pelajaran Malaysia

KATA ALU-ALUAN KETUA SETIAUSAHA

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Bismillahirrahmanirrahim

Saya ingin mengucapkan syukur
ke hadrat Allah SWT. kerana dengan
izin dan limpah kurnia-Nya, buku
Bantuan Persekolahan, Kementerian
Pelajaran Malaysia (KPM) ini berjaya
diterbitkan.

Adalah menjadi hasrat KPM agar keciciran dan ketirisan
dapat dikurangkan dalam proses penyaluran Bantuan Persekolahan kepada murid
dan peruntukan yang terlibat juga dapat digunakan secara optimum. Justeru,
maklumat di dalam buku ini dilihat sangat bermanfaat untuk dijadikan rujukan dan
panduan kepada pegawai pelaksana bagi memastikan murid dengan kriteria dan
kelayakan yang ditetapkan menerima Bantuan Persekolahan yang disediakan.

Penerbitan buku ini juga bertujuan mengetengahkan kepada umum mengenai
salah satu usaha murni kerajaan yang dilaksanakan oleh KPM untuk merapatkan
jurang pendidikan yang wujud antara murid di bandar dan di luar bandar, golongan
miskin dan berada, murid biasa dan murid berkeperluan khas serta kemudahan
bagi murid yang ditimpa bencana. Selain meringankan beban kewangan ibu
bapa atau penjaga, pemberian Bantuan Persekolahan ini juga diharap dapat
meningkatkan motivasi murid untuk terus menimba ilmu sehingga ke peringkat
yang lebih tinggi sehingga menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa
dan negara.

Akhir kata, semoga panduan dan maklumat yang disediakan di dalam buku ini
dapat dikongsi dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak.

Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dr. Zulkurnain bin Haji Awang
Ketua Setiausaha





KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan dan penerbitan Buku Bantuan Persekolahan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) ini.

Matlamat utama penerbitan buku ini adalah bertujuan untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada semua pegawai di Kementerian, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, sekolah-sekolah dan anggota masyarakat mengenai jenis dan bentuk Bantuan Persekolahan yang disediakan oleh KPM serta kumpulan murid yang disasarkan untuk menerima bantuan tersebut.

Di samping itu, penerbitan buku ini juga adalah sebagai manifestasi keprihatinan kerajaan amnya dan KPM khususnya terhadap usaha-usaha yang dilaksanakan untuk merapatkan jurang pendidikan yang wujud di antara lokasi, tahap sosio-ekonomi dan tahap keupayaan murid.

Justeru, adalah menjadi harapan saya agar semua pihak dapat memberikan komitmen yang berterusan dalam menjayakan usaha merapatkan jurang pendidikan tersebut.

Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Alimuddin Bin Haji Mohd Dom
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

1. PELAKSANAAN PEMBERIAN BANTUAN PERSEKOLAHAN KPM TAHUN 2009

Pendahuluan

Usaha merapatkan jurang pendidikan telah berkembang pesat dan mencapai banyak kemajuan sejak Rancangan Malaysia Ke-3 hinggalah ke Rancangan Malaysia Ke-9. Dasar Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di bawah Teras Ke-4 Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) adalah untuk merapatkan jurang pendidikan antara lokasi, tahap sosioekonomi dan tahap keupayaan murid. Matlamat KPM adalah untuk memastikan semua sekolah dan murid mempunyai peluang dan keupayaan yang sama untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran. KPM telah mengenal pasti jurang pendidikan yang perlu dirapatkan supaya akses, ekuiti dan kualiti dapat ditingkatkan.

Jenis-Jenis Bantuan Persekolahan KPM

KPM menyediakan 19 jenis Bantuan Persekolahan kepada murid pada setiap tahun seperti jadual di bawah:

BIL	JENIS BANTUAN PERSEKOLAHAN
1.	Kump. Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)
2.	Rancangan Makanan Tambahan (RMT)
3.	Skim Bantuan Tuisyen (SBT)
4.	Program Susu Sekolah (PSS)
5.	Bantuan Pakaian Seragam Pasukan Beruniform
6.	Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP)
7.	Biasiswa Kelas Persediaan Universiti (BKPU)
8.	Skim Biasiswa Sukan (SBS)
9.	Program Pelajar Projek Khas Sek. Berasrama Penuh
10.	Elaun Murid Berkeperluan Khas (OKU)
11.	Bantuan Jaket Keselamatan
12.	Bantuan Makanan Asrama

13.	Bantuan Makanan Prasekolah
14.	Bantuan Geran Perkapita (PCG)
15.	Yuran Khas Sekolah (YKS)
16.	Bantuan Kokurikulum Ke Sekolah
17.	Kelas Dewasa Ibu Bapa Orang Asli & Penan (KEDAP)
18.	Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT)
19.	Yuran Peperiksaan Awam

Peruntukan Mengikut Jenis Bantuan Tahun 2009

Pada tahun 2009 KPM telah menyediakan peruntukan sebanyak RM3.62 bilion di bawah Bantuan Persekolahan. Butiran peruntukan adalah seperti jadual di bawah.

JENIS BANTUAN PERSEKOLAHAN	PERBELANJAAN 2008 (RM' 000)	ANGGARAN BIL. MURID MENDAPAT FAEDAH 2009 (ORANG)	PERUNTUKAN 2009 (RM' 000)
Kump. Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)	406,600	650,000	400,000
Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP)	238,000	300,902	238,000
Biasiswa Kelas Persediaan Universiti (BKPU)	24,200	24,062	24,300
Skim Biasiswa Sukan (SBS)	600	1,000	840
Bantuan Pakaian Seragam Pasukan Beruniform (Peruntukan 2009 berkurangan kerana bantuan diberikan 2 tahun sekali dan tahun 2009 kebanyakannya melibatkan murid tahun 4 dan tingkatan 1)	188,800	200,680	20,100
Program Pelajar Projek Khas SBP	2,800	5,651	2,800